

# Matlamat serampang 4 mata Dr.

UM 30 MAR 1991

**W**AWASAN Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yang telah diutarakannya baru-baru ini bolehlah digelar 'Projek 2020'. Projek itu bertujuan untuk menjadikan Malaysia negara yang benar-benar maju menjelang tahun 2020.

Seperkara yang harus kita alu-alukan ialah bahawa dalam usaha untuk mencapai cita-cita tersebut, Perdana Menteri terus menerus menekankan betapa perlunya keadilan sosial diperjuangkan dan ditegakkan.

Dalam ucapannya yang bernas lagi menarik, yang berjudul *Malaysia - Melangkah Ke Hadapan*, Dato' Sri Dr. Mahathir telah menekankan bahawa pada tahun 2020, yakni pada bahagian akhir generasi kita yang kedua sebagai sebuah negara yang merdeka, Malaysia haruslah dijadikan sebuah masyarakat yang adil ekonominya.

Jika sekiranya pemahaman saya tentang ucapan itu tidak salah, maka Perdana Menteri nampaknya telah mentakrifkan masyarakat yang adil itu sebagai masyarakat yang telah mencapai matlamat serampang empat mata, seperti berikut:

- Mata serampang yang pertama adalah mata serampang anti kemiskinan: Penghapusan sepenuhnya kemiskinan mutlak, tanpa mengira bangsa mahupun daerah tempat asal.
- Yang kedua ialah mata serampang perkongsian: Pembentukan sebuah masyarakat "yang membolehkan terdapatnya perkongsian sepenuhnya terhadap kemajuan ekonomi."
- Mata serampang yang ketiga, menurut hemat Perdana Menteri, ialah pembentukan sebuah masyarakat yang adil ekonominya,

kongsian sepenuhnya dalam kemajuan ekonomi tidaklah harus bererti perkongsian sepenuhnya untuk menderitai kemiskinan.

"Perkongsian itu mestilah bererti imbalan yang adil dari segi penyertaan dan sumbangan oleh semua kelompok etnik — termasuklah kelompok bumiputera di Sabah dan Sarawak — dan sektor ekonomi kita yang moden lagi giat pertumbuhannya.

"Perkongsian itu mestilah bererti pengagihan yang adil dari segi penguasaan, pengurusan dan pemilikan ekonomi moden."

Tentulah banyak orang dari golongan bumiputera yang mengalu-alukan hakikat bahawa Perdana Menteri bukan sahaja menekankan aspek ekuiti, tetapi juga aspek pengurusan dan pemilikan. Ada yang berpendapat bahawa pada masa-masa yang lalu kita lebih cenderung menekankan ekuiti sahaja, tanpa memberikan penekanan yang sama pentingnya terhadap pengurusan dan penguasaan.

Dan hakikat bahawa Perdana Menteri secara khusus menyebut tentang kelompok-kelompok bumiputera di Sabah dan Sarawak itu haruslah juga diberikan perhatian. Tambahan pula, di kedua-dua negeri itu kini terdapat sebilangan bumiputera yang berasa bahawa mereka telah tercicir dari arus utama pertumbuhan pesat sektor moden ekonomi negara ini.

Sehubungan dengan mata serampang yang ketiga (tentang jenis pekerjaan), Perdana Menteri telah menekankan tentang betapa pentingnya penglibatan yang berterusan lagi giat oleh kerajaan, dengan tujuan untuk menyusun kembali imbalan antara kaum-kaum.

"Mestilah terdapat adunan yang

DR. NOORDIN SOPIEE

MENULIS



SUDUT PANDANGAN



Rencana ini disiarkan dalam rangka Khidmat Rencana Berita ISIS, tetapi mewakili pandangan penulisnya semata-mata.

# Mahathir

yang tidak mengizinkan sesuatu fungsi ekonomi yang utama dihubungkan dengan kelompok-kelompok kaum yang tertentu. Mata serampang ini bolehlah kita sebut mata serampang "jenis pekerjaan".

• Mata serampang yang keempat bolehlah kita sebut mata serampang "imbangan pendapatan". Menurut prinsip ini, sebuah masyarakat yang adil tidak harus mengizinkan kemunduran ekonomi tertumpu pada sesuatu kaum yang tertentu sahaja.

Dapatkah keempat-empat mata serampang ini kita huraikan satu persatu dengan lebih terperinci?

## Kemudahan

Jika pentafsiran saya akan ucapan Perdana Menteri itu tidak silap, maka matlamat yang pertama itu tampaknya menuntut agar "tiap seorang rakyat Malaysia, baik yang tinggal di kawasan luar bandar mahupun yang tinggal di kawasan bandar, baik yang tinggal di selatan, utara, timur mahupun barat, mestilah digerakkan untuk berada di atas garis kemiskinan."

Pada bahagian ucapannya yang lebih awal, Perdana Menteri telah menekankan bahawa Malaysia mestilah dijadikan negara yang benar-benar maju "menurut acuannya sendiri". Menurut beliau, menjelang tahun 2020 nanti, kita tidak hendak menjadi tiruan Amerika Syarikat, Canada, Belanda, Sweden, Finland, Jepun atau salah sebuah negara lainnya yang kini tergolong di kalangan 19 buah negara yang dianggap sebagai "negara maju" di dunia.

Sesiapa yang berkunjung ke Amerika Syarikat, misalnya, sudah pasti akan mendapati bahawa terdapat lebih banyak peminta sedekah di jalanan-jalanan San Francisco atau New York daripada di sebarang pekan atau kota di Malaysia.

wajar, yang terdiri daripada pelbagai kelompok etnik yang membentuk negara bangsa Malaysia," ujar beliau. "Dengan menggunakan kaedah-kaedah yang sah, kita mestilah berusaha memastikan terdapatnya imbalan yang adil itu di kalangan bidang-bidang ikhtisas dan segala kategori pekerjaan yang utama."

Perdana Menteri juga telah menekankan betapa pentingnya dipastikan "pembentukan sihat sebuah komuniti perdagangan dan perusahaan bumiputera yang mempunyai daya ketahanan dan yang tangkas."

## Menjelang tahun 2020 nanti, kita tidak hendak menjadi tiruan Amerika Syarikat, Canada, Belanda, Sweden, Finland, Jepun atau salah sebuah negara lainnya

Sehubungan dengan mata serampang yang keempat (imbangan pendapatan), Dato' Sri Dr. Mahatir menekankan bahawa "negara Malaysia yang maju mestilah mempunyai sebuah masyarakat yang tidak menghubungkan kemunduran ekonomi dengan satu-satu kaum."

Namun ini tidaklah pula bererti bahawa beliau menyarankan gagasan kesamarataan pendapatan, yang bererti bahawa setiap seorang rakyat Malaysia akan memperoleh pendapatan yang sama. Keadaan yang demikian tentulah tidak munasabah, kerana sebahagian daripada kita akan memilih untuk bekerja keras sedang yang lainnya pula memilih untuk menikmati masa senggang yang lebih.

Sebahagian daripada kita memilih untuk menjadi ahli perdagangan yang mengambil risiko, se-

Jika anda ke London sudah pasti anda akan melihat orang-orang gelandangan yang tidur bergelimpangan di bawah jambatan-jambatan pada malam-malam musim dingin yang amat sejuk. Sejumlah besar orang Jepun mempunyai gaya hidup yang tidak akan mahu ditiru oleh sesiapa yang siuman fikirannya di negara ini.

Mungkin kerana itulah Perdana Menteri telah menekankan bahawa menjelang tahun 2020 nanti, Malaysia mestilah menjadi sebuah negara yang maju, telah terbangun sepenuhnya menurut takrifannya sendiri dan berdasarkan nilai-nilainya sendiri.

Mungkin kerana itulah beliau telah menekankan bahawa "negara ini mestilah mampu menyediakan makanan yang secukupnya di tempat hidangan, supaya tidak seorang pun rakyat Malaysia yang akan menanggung penderitaan kekurangan zat makanan."

"Kita mestilah dapat memberikan kemudahan yang secukupnya dari segi perlindungan tempat tinggal, kemudahan-kemudahan perubahan, dan kemudahan-kemudahan asasi lainnya.

"Negara Malaysia yang maju mestilah mempunyai golongan menengah yang agak besar dan bergiat, dan mestilah menyediakan untuk golongan yang paling di bawah peluang untuk keluar daripada jurang kemiskinannya."

Sehubungan dengan mata serampang yang kedua, Perdana Menteri menyatakan bahawa "per-

dangkan yang lainnya pula hendak menjadi para pensyarah (yang tentunya tidak mengharapkan pendapatan yang sama tingginya).

Menurut Perdana Menteri: "Kesamarataan pendapatan persendirian seperti yang diajukan oleh penganut faham sosialis dan komunis bukanlah sahaja tidak mungkin tercapai, malahan juga tidaklah diingini dan mungkin merupakan formula bagi keruntuhan.

"Namun demikian, saya berpendapat bahawa pengecilan jurang pendapatan antara kaum — melalui langkah-langkah menyediakan peluang secara sah, melalui pengagihan khidmat dan passarana sosial yang lebih saksama, melalui pembentukan budaya ekonomi yang sesuai dan melalui pembangunan sumber tenaga manusia yang sepenuhnya — merupakan langkah yang perlu dan amat diingini.

"Kita haruslah mempunyai hasrat bahawa menjelang tahun 2020 nanti kita telah mencapai tahap yang tidak lagi memungkinan sesiapa menyatakan bahawa sesuatu kumpulan etnik itu secara mutlak mundur ekonominya dan kelompok etnik yang lain pula secara mutlak maju ekonominya.

"Kita mestilah berusaha untuk mencapai tahap yang demikian itu — mencapainya dengan cekap, dengan berkesan, dengan keadilan dan dengan penuh kesungguhan," kata Perdana Menteri.

Menurut hemat saya, tidaklah ada rakyat Malaysia yang dengan saksama dapat menafikan betapa

pentingnya keempat-empat mata serampang keadilan sosial ini. Perjuangan negara ini untuk mencapai keadilan sosial perlulah diteruskan sehingga keempat-empat matlamat itu terlaksana sepenuhnya.

Kita berharap agar hasrat ini akan tercapai menjelang tahun 2020 nanti.

Apakah pedoman-pedoman tambahan yang telah dipaparkan oleh Perdana Menteri sebagai langkah untuk mencapai kemajuan yang pesat dalam melaksanakan cita-cita tersebut?

"Amatlah perlu dipastikan terbentuknya sebuah komuniti bumiputera yang mempunyai daya ketahanan ekonomi dan mempunyai daya persaingan yang mantap, supaya dapat berdiri sama tinggi dengan komuniti-komuniti bukan bumiputera," beliau berhujah.

"Amatlah perlu dilaksanakan sebuah revolusi mental dan transformasi budaya. Sebahagian besar daripada upaya menggerakkan diri mestilah kita laksanakan sendiri," beliau menekankan.

Suatu perkara yang menarik dalam wawasan Perdana Menteri tentang langkah ke hari depan yang perlu dihadapi oleh Malaysia ialah perhatian mendalam yang di-

berikannya terhadap "pembangunan sumber tenaga manusia." Bagi negara ini pada keseluruhannya, beliau menyatakan: "Tidaklah ada langkah yang lebih penting daripada pembangunan sumber tenaga manusia."

Sehubungan dengan komuniti bumiputera, beliau menyatakan: Untuk mencapai masyarakat adil yang kita hasratkan itu, "kita mestilah mempertingkatkan dengan hebatnya rancangan kebangsaan kita bagi pembangunan sumber tenaga manusia." Segala usaha mestilah dilakukan untuk memajukan keterampilan, pengetahuan dan

keupayaan komuniti bumiputera.

Sering kali dinyatakan bahawa Perdana Menteri berpendapat bahawa cara yang paling pasti untuk menjamin kemajuan kelompok bumiputera dalam bidang ekonomi dan untuk meneruskan pencapaian kita secara keseluruhannya, adalah melalui rancangan pembangunan sumber tenaga manusia.

Manakala langkah-langkah dan strategi-strategi lainnya tidak harus diabaikan, rasanya tidaklah banyak orang yang tidak akan bersetuju dengan Perdana Menteri tentang betapa pentingnya pembangunan sumber tenaga manusia itu.